

PARTI KEADILAN RAKYAT

SKANDAL PENGURUSAN TANAH NEGERI SEMBILAN: HUTAN SIMPAN JERAM PADANG DIRAMPAS DAN DIBANGUNKAN SECARA HARAM

KEADILAN mengambil pendirian bahawa isu-isu alam sekitar adalah isu besar negara yang perlu diketengahkan, walaupun sukar mendapat perhatian rakyat pada awalnya. Hasil gigih Naib Presiden KEADILAN, YB Fuziah Salleh terus menerus memperjuangkan pembatalan projek Lynas di Kuantan telah memberi nafas baru kepada usaha mengengahkan isu alam sekitar sebagai isu besar negara.

Bertitik tolak dari situ, pasukan KEADILAN telah menumpukan perhatian kepada pencabulan hutan simpan dan kegiatan pembalakan yang tidak terkawal di seluruh negara. Sikap tidak bertanggungjawab Umno/Barisan Nasional ini mempunyai kesan yang serius kepada negara seperti berikut:

1. Peratusan hutan simpan tetap di seluruh Malaysia semakin berkurangan dan dijangkakan jika tidak ada perubahan dasar bersabit pembalakan dan pengekalan hutan simpan, Malaysia akan berdepan dengan kepupusan hutan dalam dua generasi
2. Kegiatan pembalakan dan rampasan hutan simpan telah menjadi punca utama rasuah hasil dari persekongkolan di antara ahli politik dan ahli perniagaan yang menjadi proksi atau pembiaya kepada ahli politik. Tanah-tanah rakyat yang luasnya berpuluhan ribu ekar hilang tanpa pengetahuan rakyat kerana dipindahmilikkan kepada syarikat-syarikat kroni sedang hasilnya tidak masuk ke Perbendaharaan Negeri
3. Tanah-tanah hutan simpan yang diterokai untuk pembalakan, kemudiannya dijadikan pula ladang untuk penanaman kelapa sawit dan akhirnya dibangunkan menjadi kawasan perumahan. Keuntungan beratus juta ringgit yang sepatutnya milik

PARTI KEADILAN RAKYAT

rakyat akhirnya menjadi kelayaan peribadi tokoh-tokoh Umno/Barisan Nasional dan kroni mereka

4. Pembalakan dan penerokaan yang berleluasa itu sering tidak mengendahkan kesan alam sekitar yang mengundang bencana alam seperti tanah runtuh, banjir dan hakisan. Akibat ketamakan Umno/Barisan Nasional, puluhan ribu penduduk di sesuatu tempat yang terkesan dari aktiviti penghapusan hutan simpan akibat pembalakan ini berhadapan dengan bencana alam.

Saya dan Timbalan Setiausaha Agong KEADILAN, Saudara T Kumar telah diberi amanah oleh pimpinan KEADILAN untuk mengkaji, menyelidik dan membongkarkan kegiatan penghapusan hutan simpan bagi tujuan pembalakan dan segala perlakuan rasuah yang membabitkan pelbagai pimpinan Umno/Barisan Nasional dan kroni mereka. Siasatan dan kajian kami tertumpu kepada Negeri Sembilan sebagai negeri di Semenanjung Malaysia yang paling banyak menghapuskan hutan simpan bagi tujuan pembalakan.

Di antara tahun 2005 hingga 2011, Umno/Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Utama Mohamad Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan telah menghapuskan hutan simpan seluas 8,616 hektar melalui pewartaan membatalkan status hutan simpan kekal yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dipengerusikan beliau.

Statistik rasmi terkini¹ keluasan hutan simpan kekal Negeri Sembilan adalah seperti berikut:

	2005	2007	2011	Keluasan hutan simpan kekal yang dibatalkan	% penurunan
Keluasan hutan simpan kekal (hektar)	162,075	154,185	153,459	8,616	5.3%

¹ Sumber kajian: Lim & Susukwan (2007), Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2007,

PARTI KEADILAN RAKYAT

KEADILAN seterusnya menyemak keputusan-keputusan pembatalan status tanah hutan simpan bagi memastikan ia tidak bertentangan dengan undang-undang. Seperti yang dijangkakan, keputusan-keputusan ini sebenarnya tidak sah kerana melanggar undang-undang yang diperuntukan.

Kajian KEADILAN tertumpu kepada Hutan Simpan Tetap Jeram Padang Selatan yang diwartakan sebagai hutan simpan tetap sejak 30 Ogos 1918². Status ini telah dibatalkan melalui Pewartaan No (*Gazette Plan No*) 1933 bertarikh 11 Mac 2004 yang membatalkan status hutan simpan tetap bagi membolehkan pembalakan berlaku di kawasan seluas 487.3 hektar³.

Pembatalan tersebut bertentangan dengan Seksyen 18(1) Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Akta 172) yang menyebut:

BAHAGIAN IV
KAWALAN PERANCANGAN
Penggunaan tanah dan bangunan

18. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan mana-mana tanah atau bangunan melainkan menurut rancangan tempatan.

KEADILAN menyemak Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2001 – 2020 yang disediakan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Sembilan⁴. Mukasurat 53 Bahagian (i) Zon Pengekalan (Zon Tidak Sesuai Untuk Pembangunan) seksyen (b) Zon Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tinggi secara jelas menyebut:

Zon KSAS pada tahap tinggi ini adalah kritikal untuk dipelihara supaya tidak membawa bencana dalam seperti tanah runtuh yang akan mengancam nyawa dan harta benda masyarakat.

² Sumber: Laman web Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

³ Sumber: WWF-Malaysia Discussion Paper 2007 on deforestation, disertakan bersama

⁴ Disertakan bersama

PARTI KEADILAN RAKYAT

Semakan terhadap dokumen-dokumen rancangan tempatan, iaitu Rancangan Tempatan Daerah Jempol 2002 – 2015 yang diperolehi dari pihak berkuasa tempatan secara jelas menunjukkan bahawa Hutan Simpan Tetap Jeram Padang Selatan dikategorikan sebagai Zon KSAS Tahap 1, iaitu “KSAS Tahap 1 yang mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap pembangunan dan memerlukan kawalan ketat. Kawasan ini perlu dipelihara sepenuhnya dan tidak dibenarkan untuk sebarang pembangunan”⁵.

Mukasurat 5-77⁶ Rancangan Tempatan Daerah Jempol 2002 – 2015 secara jelas menunjukkan bahawa Hutan Simpan Tetap Jeram Padang Selatan adalah berkategori KSAS Tahap 1 dan tidak boleh dibangunkan.

Oleh yang demikian, pewartaan membatalkan status hutan simpan tetap bertarikh 11 Mac 2004 adalah tidak sah disisi undang-undang kerana bertentangan dengan rancangan tempatan sedia ada, lalu melanggar Seksyen 18(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa.

Malangnya, Kerajaan Umno/Barisan Nasional di bawah pentadbiran 2 orang Menteri Besar (Tan Sri Isa Samad dan Dato' Seri Utama Mohamad Hassan) tidak menghiraukan undang-undang dan membenarkan penerokaan berlaku. Balak di kawasan hutan ini telah ditebang sepenuhnya dan kini ia telah diusahakan pula sebagai kawasan penanaman kelapa sawit.

KEADILAN mempunyai bukti bahawa pimpinan Umno/Barisan Nasional mendapat keuntungan dari tindakan yang melanggar undang-undang ini hasil dari kegiatan pembalakan dan penanaman kelapa sawit.

Ini adalah kenyataan pertama KEADILAN yang akan disusuli dengan lebih banyak pembongkaran dalam minggu-minggu akan datang.

⁵ Mukasurat 5-74, Rancangan Tempatan Daerah Jempol

⁶ Disertakan bersama


PARTI KEADILAN RAKYAT

RAFIZI RAMLI
PENGARAH STRATEGI KEADILAN

T KUMAR
TIMBALAN SETIAUSAHA AGONG KEADILAN

23 OKTOBER 2012

State	Date	Forest Reserve (Gazette Plan No.)	Additions	Excisions
N. Sembilan	29-Mar-01	HS Lukut (PW 1412)		2.6030
N. Sembilan	29-Mar-01	HS Lukut (PW 1413)		6.5720
N. Sembilan	26-Apr-01	HS Pelangai (PW 1563)		162.3390
N. Sembilan	02-Aug-01	HS Berenbun and Flangei (PW 940)		935.0000
N. Sembilan	02-Aug-01	HS Sepang (PW 1586)		182.1100
N. Sembilan	02-Aug-01	HS Kenaboi (PW 1631)		27.1300
N. Sembilan	13-Sep-01	HS Tampin Tambahan (PW 1637)		0.8095
N. Sembilan	13-Sep-01	HS Sepang (PW 1483)		141.1640
N. Sembilan	13-Sep-01	HS Triang (PW 1565)		3.4620
N. Sembilan	08-Nov-01	HS Senaling Inas (PW 1503)		15.7850
N. Sembilan	08-Nov-01	HS Triang (PW 1674)		1.2000
N. Sembilan	22-Nov-01	HS Pasir Panjang (PW 1550)		0.7019
N. Sembilan	14-Mar-02	HS Galla (PW 1707)		20.0180
N. Sembilan	21-Nov-02	HS Setul (PW 1770)		129.7413
N. Sembilan	30-Jan-03	HS Pelangai (PA 35817)		40.5400
N. Sembilan	30-Jan-03	HS Gemas Selatan (PW 1766)		80.9370
N. Sembilan	30-Jan-03	HS Galah (PW 1757)		3.6870
N. Sembilan	05-Jun-03	HS Triang (PW 1820)		404.6860
N. Sembilan	31-Jul-03	HS Galla (PW 1773)		25.0000
N. Sembilan	11-Sep-03	HS Jeram Padang Selatan		688.0350
N. Sembilan	11-Sep-03	HS Setul (PW 1891)		36.0310
N. Sembilan	11-Sep-03	HS Kenaboi (PW 1890)		263.0000
N. Sembilan	11-Sep-03	HS Perangei (PW 1800)		121.4000
N. Sembilan	04-Dec-03	HS Setul (PW 1904)		12.1400
N. Sembilan	18-Dec-03	HS [Pantai] (PW 1884)		242.8120
N. Sembilan	15-Jan-04	HS Keraboi (PW 1829)	81.0000	40.4700
N. Sembilan	26-Feb-04	HS Setul (PW 1928)		80.9400
N. Sembilan	26-Feb-04	HS Setul (PW 1929)		124.7000
N. Sembilan	26-Feb-04	HS Setul (PW 1930)		773.4000
N. Sembilan	11-Mar-04	HS Jeram Padang Selatan (PW 1933)		315.8000
N. Sembilan	11-Mar-04	HS Setul (PW 1936)		487.3000
N. Sembilan	11-Mar-04	HS Jelai-Gemas (PW 1935)		582.0000
N. Sembilan	22-Apr-04	HS Setul (PW 1949)		1,014.0000
N. Sembilan	12-Aug-04	HS Pasir Panjang (PW 1947)		1,690.0000
N. Sembilan	12-Aug-04	HS Setul (PW 1948)		24.6600
N. Sembilan	12-Aug-04	HS Tampin (PW 1951)		61.0000
				0.8058



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 172

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

Rancangan kawasan khas

16B. (1) Jika pada bila-bila masa semasa penyediaan atau apabila mula berkuat kuasanya sesuatu rancangan struktur atau rancangan tempatan, Pengarah Negeri atau pihak berkuasa perancang tempatan, atas daya usahanya sendiri atau sebagaiimana yang diarahkan oleh Jawatankuasa, boleh mengemukakan kepada Jawatankuasa cadangan bagi penetapan suatu kawasan khas bagi pengolahan khas dan terperinci dengan cara pemajuan, pemajuan semula, pengelokan, pemuliharaan atau amalan pengurusan, atau sebahagiannya dengan satu kaedah dan sebahagian lagi dengan kaedah yang lain, bagi keseluruhan atau sebahagian kawasan khas itu, dan jenis pengolahan yang dicadangkan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Jawatankuasa hendaklah menentukan sama ada Pengarah Negeri atau pihak berkuasa perancang tempatan yang bertanggungjawab menyediakan suatu rancangan bagi kawasan khas itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), rancangan bagi sesuatu kawasan khas hendaklah disediakan dengan cara yang sama sebagaiimana penyediaan rancangan tempatan, tetapi hendaklah dimasukkan ke dalam rancangan itu panduan yang terperinci bagi pelaksanaan dan pengurusannya, dan rancangan itu hendaklah mempunyai kuat kuasa seperti suatu rancangan tempatan.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

17. Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menjalankan maksud Bahagian ini dengan lebih baik atau untuk menetapkan apa-apa yang mungkin, atau yang dikehendaki, ditetapkan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN IV**KAWALAN PERANCANGAN****Penggunaan tanah dan bangunan**

18. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan mana-mana tanah atau bangunan melainkan menurut rancangan tempatan.



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2001-2020



Senarai Lampiran

Isi Kandungan
Senarai Jadual

Senarai Rajah



- Pertanian komersial, campur & aktiviti hilir lan pertanian
- Pertanian moden – R & D

- i.** **Tanah yang Sesuai untuk dibangunkan**
Tanah sesuai untuk pembangunan adalah lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan (158,431,98 hektar / 23.81%)
- Aset Hutan ke arah keseimbangan Ekosistem**
Tanah sesuai untuk pembangunan adalah lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan (158,431,98 hektar / 23.81%)
- iv.** **Potensi sebagai Bandar Dermitori (Seremban, Nilai, Port Dickson, Tampin, Labu dan Lukut)**
 - Menawarkan peruntukan kepada Sebtangor, Kuala Lumpur, Puriroyaya, Cyberjaya, sekitar KUALA LUMPUR
- v.** **Jaringan dan Prasarana Pengangkutan & Perhubungan yang Baik dan Menyeluruh**
 - Impahan Pembangunan Dari Kawasan Sekitar
 - Konurbasi Kuching Lumpur (RFN)

i. Zon Pengekalan (Zon Tidak Sesuai Untuk Pembangunan)

Zon Pengekalan ini terdiri daripada kawasan pengekalan sumber semula jadi yang kritisikal iaitu Hutan Yang Mesti Dikekekalkan dan Zon Kawasan Sensitif Alam Sekitar yang amat perlu dipelihara memandangkan tahap kepentingan sumber-sumber ini terhadap keseimbangan alam sekitar. Zon Pengekalan ini juga dikenalpasti sebagai Zon Tidak Sesuai Untuk Pembangunan (Rujuk Rajah 3.2.5). (Rujuk muka surat 46)

a. Zon Hutan Dan 'Central Forest Spine-RFN'

Aset hutan yang luas (192,355.43 hektar/28.91%) daripada jumlah keluasan guna tanah Negeri Sembilan) di Negeri Sembilan haruslah dikedekalkan. Hanya pembangunan yang minimum dan bersesuaian sahaja seperti pembangunan pelancongan eko dan rekreasi wilayah digalakkan ke arah pengekalan keseimbangan ekosistem semulajadi.

b. Zon Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tinggi

Zon KSAS tinggi ini terdiri daripada kawasan badan air dan kawasan hutan yang melebihi kecenusan 25 derjah dan melebihi ketinggian 300 meter. Zon KSAS pada tahap tinggi ini adalah kritisikal untuk dipelihara supaya tidak membawa bencana alam seperti tanah runtuh yang akan mengancam nyawa dan hartा benda masyarakat.

ii. Zon Pemuliharaan (Zon Boleh Dibangunkan Dengan Kawalan)

Zon Pemuliharaan juga dikendalipasti sebagai Zon Boleh Dibangunkan Dengan Kawalan seperti mana dilunjukkan dalam Rajah 3.2.5. (Rujuk muka surat 46) Zon ini kebanyakkannya terdiri daripada kawasan pertanian subur iaitu Kelas 2 yang harus dioptimumkan untuk potensi pembangunan Lembah Bio/Bio-Valley dan Pelancongan Agro.





5.10 CADANGAN MEMPERELOK ALAM SEKITAR

Pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar dari peringkat awal adalah penting dalam usaha untuk mewujudkan keadaan alam sekitar yang sihat dan bersih di samping dapat menjimatkan kos pengurusan masa hadapan. Oleh itu, kerjasama dari semua pihak dan pematuhan terhadap undang-undang sedia ada serta garis panduan yang dikeluarkan dijangka dapat memudahkan proses pengurusan alam sekitar dari semasa ke masa.

Cadangan-cadangan yang berkaitan dalam meningkatkan kualiti alam sekitar dan pengurusan sumber asli di Daerah Jempol adalah di dalam **Jadual 5.51 dan Rajah 5.15 sehingga 5.19**.

Jadual 5.51: Cadangan Memperelok Alam Sekitar

CADANGAN	LOKASI
Cadangan Pengurusan Kualiti Air	<ul style="list-style-type: none">• Sungai Keli (BP7)• Sungai Seriting dan Sungai Palong (bahagian hilir) (BP9)
Cadangan Pengurusan Kualiti Udara dan Bunyi	<ul style="list-style-type: none">• Kawasan Pusat Bandar Bahau khususnya (BP1) dan kawasan lain amnya.
Cadangan Pengurusan Banjir Dan Hakisan Tebing Sungai Seriting	<ul style="list-style-type: none">• Kampung Dato' Johan & Sungai Seriting (BP9)
Cadangan Pengurusan Sisa Pepejal	<ul style="list-style-type: none">• Tapak Pelupusan Ladang Kok Foh (BP9)
Cadangan Pengurusan Aktiviti Industri	<ul style="list-style-type: none">• Kawasan Perindustrian di Daerah Jempol terutamanya di BP1 dan BP3
Cadangan Pengurusan Kawasan Hutan	<ul style="list-style-type: none">• Kawasan Hutan Di Daerah Jempol (BP6, BP7 dan BP10)
Cadangan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	<ul style="list-style-type: none">• Kawasan Sensitif Alam Sekitar di Daerah Jempol
Cadangan Mempertingkatkan Kesedaran Awam	<ul style="list-style-type: none">• Kawasan Daerah Jempol

5.10.1 PENGURUSAN KUALITI AIR

Pengawasan kualiti air yang telah dibuat menunjukkan Sungai Keli (BP7) berada pada tahap tercemar. Manakala Sungai Seriting dan Sungai Palong (bahagian hilir) (BP9) berada pada tahap sederhana tercemar. Punca utama pencemaran berpotensi terjana adalah daripada pembuangan efluen industri dan domestik tanpa diolah dengan sempurna dari aktiviti guna tanah sekitarnya. Selain itu, masalah hakisan tanah atau sendimen yang berpunca daripada aktiviti pembinaan atau pertanian daripada kawasan sekitar sungai terbabit menambahkan lagi masalah kualiti air sungai.

5.10.2 PENGURUSAN KUALITI UDARA DAN BUNYI

Analisis mendapati pengawasan kualiti udara yang telah dijalankan menunjukkan kualiti udara di Daerah Jempol masih terkawal dan berkeadaan bersih. Bacaan maksimum yang dicatatkan juga masih di bawah had piawaian Cadangan Garis Panduan Kualiti Udara Malaysia (Piawaian Ambien) iaitu pada paras $55.75\mu\text{g}/\text{m}^3$ di kawasan perindustrian BP1.

Analisis pengawasan kualiti bunyi juga masih terkawal dan tidak mengganggu kecuali di BP1 yang mencatatkan bacaan 75.52dBA iaitu melebihi piawaian yang diariskan WHO iaitu 70dBA untuk kawasan perbandaran. Punca keadaan ini dikenal pasti adalah daripada bunyi kenderaan dan aktiviti manusia.

5.10.3 PENGURUSAN BANJIR DAN HAKISAN TEHING SUNGAI SERTING

Beberapa lokasi tertentu di KTRD Jempol agak landai terutamanya di sekitar Kg Dato' Johan yang mudah dilanda banjir kilat. Hal ini disebabkan oleh fenomena semula jadi iaitu musim tengkujuh dan hujan lebat. Manakala hakisan tebing di Sg. Seriting pula berpunca daripada aktiviti pembangunan

berhampiran yang telah menyebabkan struktur tanah menjadi lemah dan terdedah kepada hakisan. Aktiviti pengorekan pasir juga menjadi punca utama berlakunya hakisan dan keruhan air sungai.

5.10.4 PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Pengurusan sisa pepejal penting bagi memastikan kualiti alam sekeliling bersih dan kesihatan penduduk terjamin.

5.10.5 PENGURUSAN AKTIVITI INDUSTRI

Guna tanah perindustrian di BP1 dan BP3 terdiri daripada industri perkhidmatan dan industri ringan. Oleh yang demikian, aktiviti industri ini memerlukan pengawalan dan pengawasan bagi mengelakkan timbulnya masalah alam sekitar.

5.10.6 PENGURUSAN KAWASAN HUTAN

Hutan merupakan sumber tidak ternilai yang mempunyai pelbagai habitat flora dan fauna semula jadi. Hutan juga berkepentingan sebagai kawasan tahanan air, menstabilkan suhu persekitaran, mampu meningkatkan tahap kualiti hidup, menjadi sumber pendapatan ekonomi daerah melalui aktiviti pelancongan, penyelidikan dan pembalakan. Oleh itu, pemeliharaan dan pengekalannya sangat dititikberatkan.

5.10.7 PENGURUSAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

Kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) dikategorikan sebagai KSAS Tahap 1 yang mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap pembangunan dan memerlukan kawalan ketat. Kawasan ini perlu dipelihara sepenuhnya dan tidak dibenarkan untuk sebarang pembangunan.



...Sambungan Jadual 5.52

LOKASI	PERKARA / AKTIVITI	KATEGORI KSAS	TAHAP KSAS	GARIS PANDUAN
BPK 7.3 dan 7.11	KSAS PERTANIAN / PENTERNAKAN / PERIKANAN AKUAKULTUR	KSAS SOKONGAN HIDUP	Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Garis panduan ini dikhususkan kepada Kawasan Perternakan Ulu Bayai, Penternakkan PPRT Sg. Lui dan aktiviti pertanian sumber makanan, penternakkan dan perikanan akuakultur yang diusahakan secara perdagangan bagi tujuan pasaran di dalam dan di luar Daerah Jempol. ▪ Kawasan-kawasan ini hanya boleh dibangunkan bagi tujuan pertanian sumber makanan, penternakkan dan perikanan akuakultur dengan pengawasan dan kawalan Jabatan Pertanian dan pihak yang berkaitan. ▪ Mengambil kira Manual Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia dan Manual Program Pengembangan Veterinar Negeri Sembilan Darul Khusus, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan Darul Khusus, ▪ Penternak haiwan sensitif seperti babi perlu mendapat kebenaran daripada Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pertanian dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan ▪ Penternak haiwan sensitif juga perlu mengambil kira Enakmen Mengawal Pemeliharaan Babi 1980 dan Kaedah Pemeliharaan Babi (Polesen) - 1980 ▪ Langkah-langkah kawalan pencemaran alam sekitar seperti pencemaran air dan bau perlu disediakan bagi aktiviti-aktiviti pertanian berdasarkan sumber makanan, penternakkan dan perikanan akuakultur mengikut keperluan Jabatan Alam Sekitar atau pihak-pihak yang berkaitan.  <p>Pengekalan aktiviti pertanian berdasarkan sumber makanan akan perlu dikuatkuasakan. Pembangunan semula bagi kawasan yang terlibat hanya dibenarkan untuk aktiviti pertanian dan penternakkan sahaja</p>
BPK 9.12, BPK 9.13	KSAS PERTANIAN / PENTERNAKAN / PERIKANAN AKUAKULTUR	KSAS SOKONGAN HIDUP	Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Garis panduan ini hanya dikhususkan kepada kawasan tanaman kelapa sawit dan aktiviti pertanian lain yang diusahakan secara perdagangan bagi tujuan pasaran di dalam dan diluar Daerah Jempol. ▪ Kawasan ini hanya boleh dibangunkan bagi tujuan pertanian dan penternakkan dengan pengawasan dan kawalan Jabatan Pertanian dan pihak yang berkaitan. ▪ Mengambil kira Manual Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia dan Manual Program Pengembangan Veterinar Negeri Sembilan Darul Khusus, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Sembilan Darul Khusus. ▪ Langkah-langkah kawalan pencemaran alam sekitar seperti pencemaran air dan bau perlu disediakan bagi aktiviti-aktiviti pertanian berdasarkan sumber makanan, penternakkan dan perikanan akuakultur mengikut keperluan Jabatan Alam Sekitar atau pihak-pihak yang berkaitan.  <p>Tanaman kelapa sawit dan aktiviti penternakkan berpotensi dalam meningkatkan lagi tahap ekonomi penduduk</p>
BPK 10.5	KSAS REKREASI	KSAS BERNILAI WARISAN	Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Garis panduan ini dikhususkan kepada kawasan rekreasi Hutan Jeram Padang Selatan. ▪ Kawasan hutan ini perlu dikenakan untuk tujuan rekreasi dan hanya dibenarkan kecuali untuk kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan dengan kebenaran Majlis Daerah Jempol, Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Barat dan jabatan-jabatan lain berkaitan. ▪ Aktiviti lain yang berpotensi mencemar dan menjelaskan fungsi semasa hutan rekreasi ini adalah tidak dibenarkan. ▪ Keju-keju pemuliharaan dan pembangunan kemudahan rekreasi dan infrastruktur sokongan yang lain adalah digalakkan.
BPK 10.6	KSAS SOSIAL	KSAS BERNILAI WARISAN	Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Garis panduan ini dikhususkan kepada kawasan petempatan Orang Asli. ▪ Kawasan petempatan Orang Asli perlu dipelihara dan diwartakan. ▪ Aktiviti pembangunan baru yang berpotensi menjelaskan petempatan masyarakat Orang Asli adalah diharamkan. ▪ Keju-keju pembangunan infrastruktur dan kemudahan sokongan hidup digalakkan dan dibenarkan dengan kebenaran pihak Majlis Daerah Jempol dan jabatan-jabatan berkaitan.  <p>Petempatan Orang Asli perlu dipelihara daripada pencerobohan pembangunan yang tidak terkawal.</p>